

Bil. S 11

**AKTA PASPORT-PASPORT
(PENGAL 146)**

**PERINTAH PASPORT-PASPORT (VISA)
(PENGEUALIAN) (PINDAAN), 2000**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 4 dari Akta Pasport-Pasport, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan
permulaan
kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pasport-Pasport (Visa) (Pengecualian) (Pindaan), 2000, dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Februari, 2000.

Pindaan
Jadual Ketiga.

2. Perintah Pasport-Pasport (Visa) (Pengecualian), 1985 (sebagaimana yang dipinda), adalah dengan ini dipinda dalam Jadual Ketiga dari Perintah tersebut dengan menambah "Kesultanan Oman" kepada senarai negara-negara dalam Jadual tersebut.

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 25 haribulan Januari, 2000 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**